



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**GARIS PANDUAN
GERAN GALAKAN PENYELIDIK MUDA
(GGPM)
UKM-SPKP-CRIM-PK01-GP06**

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuatkuasa
02	00	16/05/2017

KANDUNGAN

PERKARA	Muka surat
1.0 BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	3
2.0 BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	8
3.0 BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)	8
4.0 BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)	9
5.0 BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	10
6.0 BAHAGIAN 6 (PERANAN)	11
7.0 BAHAGIAN 7 (CARTA ALIR)	12

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)

1.1. PENGENALAN

Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM) telah diluluskan oleh MPU Bil. 3/2010 bertarikh 20 Januari 2010 di bawah Dana Universiti Penyelidikan. Geran ini diperuntukkan kepada penyelidik/felo muda yang baru balik dari cuti belajar.

1.2. CABARAN PERDANA

Aktiviti penyelidikan GGPM adalah meliputi tujuh (7) Cabaran Perdana UKM iaitu:

- 1.2.1. Akal Budi Melayu
- 1.2.2. Islam Kontemporari
- 1.2.3. Pengukuhan STEM
- 1.2.4. Integrasi ASEAN
- 1.2.5. Malaysia Lestari
- 1.2.6. Malaysia Sihat Sejahtera
- 1.2.7. Pemerkasaan B40

1.3. OBJEKTIF

Tujuan geran ini adalah untuk menggalakkan penyelidik/felo muda untuk merintis peluang dan menjalankan penyelidikan.

1.4. SYARAT PERMOHONAN

- 1.4.1. Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik UKM yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. Penyelidik/Felo yang baru selesai dari bercuti belajar serta lulus Ijazah Doktor Falsafah/setara
 - ii. Telah berkhidmat tidak melebihi 3 tahun dari tarikh lapor diri selepas bercuti belajar.
 - iii. Bagi pensyarah baru (tiada cuti belajar), had umur adalah 40 tahun pada tahun penilaian.
 - iv. Pensyarah/Felo yang belum mengetuai sebarang projek penyelidikan akan diberikan keutamaan.
- 1.4.2. Pemohon wajib menyenaraikan seorang penyelidik berstatus Prof/Prof. Madya sebagai Penyelidik Bersama untuk dijadikan 'mentor' dalam menjalankan penyelidikan dan penerbitan.
- 1.4.3. Permohonan yang dibuat mestilah kesinambungan daripada bidang pengajian pasca siswazah atau sebagai lanjutan daripada bidang penyelidikan semasa calon.

1.4.4. Menepati syiling peruntukan seperti berikut:

- | | | |
|-----|--------------------------|-------------|
| i. | Bidang Sains Sosial | RM30,000.00 |
| ii. | Bidang Sains & Teknologi | RM50,000.00 |

1.5. TEMPOH PENYELIDIKAN

Jangkamasa projek adalah dua (2) tahun.

1.6. TATACARA PERMOHONAN

1.6.1. Pemohon perlu mengemukakan permohonan penyelidikan melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU);

1.6.2. Rujuk **UKM-SPKP-CRIM-PK01-MO02: Manual Operasi SMPU - Pengguna** untuk langkah-langkah permohonan secara atas talian.

1.6.3. Permohonan perlu dikemukakan kepada CRIM sebelum atau pada tarikh tamat permohonan. Permohonan yang lewat tidak dapat dipertimbangkan.

1.7. PERATURAN PERBELANJAAN

1.7.1. **Vot 11000 (Upah dan Elaun)**

- Melantik Penyelidik Pasca Doktorat, Pembantu Penyelidik (RA) dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh UKM. Pelantikan ini diuruskan oleh CRIM.
- Potongan KWSP caruman majikan dan potongan PERKESO bagi lantikan Penyelidik Pasca Doktorat dan Pembantu Penyelidik (RA) adalah menggunakan peruntukan projek penyelidikan.

1.7.2. **Vot 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)**

- Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan dalam negara yang berkaitan dengan projek.
- Perjalanan ke luar negara perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah:-
 - Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah diluluskan. Hanya ketua penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut.
 - RA atau GRA hanya dibenarkan untuk membentangkan

kertas kerja di persidangan dan seminar; atau menghadiri kerja lapangan, kursus dan bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka **di dalam negara** sahaja.

- c) Perjalanan ke luar negara untuk tujuan menghadiri persidangan adalah **tertakluk kepada Garis Panduan Menghadiri Persidangan**
 - d) Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.
- iii. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40 peratus (40%) daripada jumlah keseluruhan projek.

1.7.3. Vot 24000 (Sewaan)

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

1.7.4. Vot 27000 (Bekalan dan Bahan Penyelidikan)

- i. Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja yang dibenarkan.
- ii. **Peralatan yang dibeli menggunakan vot ini (berharga <RM3,000.00) perlu dinyatakan dengan jelas di dalam perancangan kewangan dan pembelian perlu mengikut tatacara pengurusan aset.**

1.7.5. Vot 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai)

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

1.7.6. Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data, yuran persidangan, yuran penerbitan, suguhati dan lain-lain perkhidmatan ikhtisas yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

1.7.7. **Vot 35000 (Aksesori dan Peralatan)**

- i. Pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja. Senaraikan jenis peralatan dan justifikasi permohonan. Jumlah yang dipohon tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.
- ii. Pembelian aset/inventori perlu mengikut prosedur universiti dan dilaksanakan dengan teratur. Setiap aset/inventori perlu dikawal dengan baik dari segi rekod dan dilabel Hak Kerajaan Malaysia dan No. Siri Pendaftaran.
- iii. Definasi aset:
 - ✓ **Alat atau aksesori berharga RM3,000.00 dan ke atas.**
 - ✓ **Perisian komputer bernilai RM50,000.00 dan ke atas.**
- iv. Setiap aset perlu dikembalikan kepada pihak CRIM setelah selesai projek penyelidikan tersebut atau penyelidik cuti belajar. Ini termasuklah komputer riba, kamera, ipad, telefon pintar, pencetak, *projector* serta lain-lain peralatan penyelidikan.

1.8. **HASIL PENYELIDIKAN**

1.8.1. **Penerbitan**

- i. Penyelidik perlu menghasilkan penerbitan mengikut jumlah peruntukan yang telah diluluskan seperti berikut:

Peruntukan Diluluskan	KPI Penerbitan
RM10,000.00 – RM29,999.99	1 artikel di jurnal terindeks SCOPUS
RM30,000.00 – RM49,999.99	1 artikel di jurnal terindeks ISI WoS atau 4 bab dalam buku penyelidikan dari penerbit yang diiktiraf oleh universiti. atau 1 buku penyelidikan dari penerbit yang diiktiraf oleh universiti.
Setiap RM50,000.00	1 artikel Q1/Q2
Sekiranya penyelidik berjaya menerbitkan 1 Kertas Polisi atau Dasar yang telah diterima pakai di peringkat kebangsaan, penerbitan ini boleh dikira sebagai KPI penerbitan.	

*kertas polisi yang menyumbang kepada pembentukan/penambahbaikan/pemansuhan dasar/fatwa/akta dan

seumpamanya yang telah diterima pakai oleh pemegang taruh (stakeholder) sama ada agensi Kerajaan, Swasta atau Antarabangsa.

- ii. Penghargaan kepada Universiti dan geran penyelidikan mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
- iii. Penerbitan yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja yang diambil kira.
- iv. Artikel yang telah diterbitkan perlu didaftarkan di Sistem e-Repository.

1.8.2. Harta intelek dan Hasil Pengkomersilan

Proses pendaftaran harta intelek dan pengkomersilan perlu melalui Pusat Inovasi Kolaboratif (PIK).

1.8.3. Modal Insan

Melatih sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana/PhD.

1.9. TEMPOH IKLAN

CRIM akan membuat pemakluman mengenai tarikh buka dan tutup permohonan melalui Portal e-Warga, hebahan rasmi kepada Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat serta dan pemakluman di laman sesawang CRIM (<http://research.ukm.my>).

BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)

2.1. PENILAIAN

- 2.1.1. Permohonan GGPM akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik mengikut bidang projek penyelidikan.
- 2.1.2. Perakuan daripada panel penilai akan dimajukan ke Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan (JKP&P) untuk tujuan kelulusan.
- 2.1.3. Keputusan JKP&P adalah muktamad.
- 2.1.4. Carta alir adalah seperti di Bahagian 7.

BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)

3.1. PEMAKLUMAN KEPUTUSAN

- 3.1.1. Keputusan permohonan GGPM akan dimaklumkan kepada pemohon selepas mesyuarat JKP&P.
- 3.1.2. Bagi projek yang diluluskan, surat kelulusan akan dikeluarkan kepada Ketua Projek. Ketua projek perlu mengambil tindakan dengan mengembalikan Surat Pengakuan Menjalankan Penyelidikan (UKM-SPKP-CRIM-PK01-L01) kepada CRIM untuk tujuan pengaktifan projek dan pengaktifan peruntukan projek dalam Sistem UFASt.
- 3.1.3. Sekiranya Surat Pengakuan Menjalankan Penyelidikan (UKM-SPKP-CRIM-PK01-L01) tidak dikembalikan, status projek akan pasif dan penggunaan peruntukan ditangguhkan.

BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)

4.1. LAPORAN KEMAJUAN

Laporan kemajuan perlu dihantar seperti yang telah dijadualkan seperti berikut:

Penghantaran Laporan	Laporan Kemajuan
1-30 Julai	Januari / dari tarikh mula projek - Jun
1-31 Januari	Julai / dari tarikh mula projek - Disember

Penghantaran laporan kemajuan adalah melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU). Setiap Ketua Projek bertanggungjawab memastikan laporan kemajuan dihantar mengikut jadual yang ditetapkan. **Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan peruntukan projek penyelidikan akan dibekukan sehingga laporan kemajuan diterima.**

4.2. LAPORAN AKHIR

Laporan akhir perlu dihantar **dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat** projek. Penghantaran laporan akhir adalah melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU). **Kegagalan menghantar laporan akhir akan menyebabkan Ketua Projek disenarai hitam daripada memohon sebarang projek penyelidikan di bawah Dana Universiti Penyelidikan.**

BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)

5.1. KETUA PROJEK BERHENTI / PINDAH FAKULTI/INSTITUT/PUSAT (F/I/P)

Fakulti perlu memaklumkan kepada CRIM apabila ketua projek yang telah /akan berhenti perkhidmatan di UKM. Projek yang diluluskan akan terus kekal di F/I/P berkenaan dan tidak boleh dipindahkan ke F/I/P lain.

5.2. TAMBAH MASA TEMPOH PENYELIDIKAN

Permohonan tambah masa boleh dipertimbangkan sekiranya projek masih aktif dan terdapat aktiviti yang masih belum tercapai. Permohonan perlu menggunakan Borang Permohonan Tambah Masa Projek Penyelidikan (UKM-SPKP-CRIM-PK03-BO01). Syarat-syarat permohonan adalah:

- i. Permohonan mestilah dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat projek.
- ii. Permohonan tidak boleh melebihi dua (2) kali sahaja.
- iii. Tempoh tambah masa maksimum adalah selama 6 bulan bagi setiap permohonan.
- iv. Setiap permohonan perlulah disokong dengan Borang Laporan Penilaian Prestasi dan Kemajuan Dana UP (UKM-SPKP-CRIM-PK02-BO01).

5.3. PENUKARAN V-SIRI PERUNTUKAN PROJEK

Permohonan penukaran V-Siri belanjawan projek penyelidikan boleh dipertimbangkan sekiranya projek memerlukan pindahan kewangan berdasarkan keperluan dan justifikasi yang kukuh. Permohonan hanya boleh dibuat **SEKALI sahaja dalam tempoh projek aktif**.

5.4. PENUTUPAN AKAUN PROJEK

Tuntutan perbelanjaan sepanjang projek aktif boleh dipertimbangkan dalam tempoh tiga bulan selepas tarikh tamat projek. Selepas tempoh ini akaun projek akan tutup dan baki peruntukan akan dipulangkan kepada pembiaya dana.

5.5. KES KHAS

Pertimbangan dan pengecualian dalam kes-kes tertentu boleh diberikan berdasarkan keperluan Universiti.

BAHAGIAN 6 (PERANAN)

6.1. PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI (CRIM)

- ✓ Memaklumkan pelawaan permohonan geran penyelidikan kepada fakulti / institut / pusat. (jika ada);
- ✓ Menerima dan memproses permohonan yang dihantar sebelum atau pada tarikh tutup permohonan ;
- ✓ Memaklumkan keputusan penilaian kepada Ketua Penyelidik;
- ✓ Membuat pemantauan terhadap kemajuan projek penyelidikan.

6.2. FAKULTI / INSTITUT / PUSAT

- ✓ Memaklumkan kepada Penyelidik sebarang perubahan dan perkembangan terbaru mengenai geran penyelidikan di UKM;
- ✓ Memaklumkan kepada CRIM berkaitan sebarang perubahan melibatkan projek penyelidikan/penyelidik.
- ✓ Membuat pemantauan terhadap kemajuan dan prestasi projek penyelidikan.
- ✓ Mengurus aset daripada geran penyelidikan.


6.3. KETUA PROJEK

- ✓ Membaca dan memahami garis panduan geran penyelidikan sebelum memohon;
- ✓ Memenuhi syarat-syarat permohonan seperti dikehendaki;
- ✓ Memastikan projek penyelidikan berjalan dengan efektif untuk mencapai objektif penyelidikan dan jejak kunci mengikut masa yang ditetapkan dengan jumlah peruntukan yang diberi;
- ✓ Mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan setiap 6 bulan sekali dan menghantar laporan akhir selepas projek tamat.

6.4. PENYELIDIK BERSAMA

- ✓ Menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan.
- ✓ Bertanggungjawab dalam pelaporan kemajuan projek dan laporan akhir

BAHAGIAN 7 (CARTA ALIR)



-TAMAT-

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI (CRIM)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 UKM BANGI

SELANGOR

NO. TEL: 03-89213184/4679/4064

NO. FAKS: 03-89254550

LAMAN SESAWANG: <http://research.ukm.my>